

22 JUN 2003

Rafidah-PAS

POLITIK PAS CONTOH TERBAIK POLITIK HIPOKRASI

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Strategi PAS yang mendakwa parti itu Islam tetapi sebaliknya memecahbelahkan orang Islam untuk mendapat sokongan, termasuk bukan Islam dengan pendekatan yang berbeza, merupakan bukti nyata ia mengamalkan "hipokrasi tahap tertinggi."

Ketua Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz berkata anggota masyarakat, baik orang Islam mahupun bukan Islam di negara ini harus sentisa diingatkan supaya menolak Pas, yang melalui dokma negatifnya akan menyebabkan perpecahan di kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas ucapan penggulungan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahatir Mohamad pada perhimpunan agung Umno semalam yang membidas PAS sebagai bukan parti Islam tetapi memperalatkan Islam.

Rafidah berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Hari Keluarga Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong dekat sini hari ini.

Rafidah berkata: "Kita tahu PAS guna cara tertentu untuk menarik hati orang bukan Islam. Sambil dia bercakap mengenai orang bukan Islam yang dianggap kafir dan dipandang rendah oleh mereka, ada pulak caranya digula-gulakan mereka. Ini bukti PAS mengamalkan hipokrasi tahap tertinggi."

"Jadi kita harus sentiasa menerangkan kepada masyarakat, Melayu dan bukan Melayu, Islam dan bukan Islam bahawa PAS bukan satu parti yang memperjuangkan Islam.

"Bahkan satu parti yang bukan sahaja menyongsangkan fahaman Islam tetapi turut mengkhianati Islam dan memecahbelahkan orang Melayu dan Islam," katanya.

Rafidah berkata melalui strategi meletakkan orang Islam sebagai matlamat perjuangannya, PAS telah menyetepikan kepentingan lebih 40 peratus penduduk negara ini yang terdiri daripada masyarakat bukan Islam.

"Amalan PAS iaitu dengan cuba memecahbelahkan antara orang Islam dan bukan Islam, dengan strategi meletakkan Islam ikut cara dia (PAS), dan (orang) kafir bukan, maka hampir 40 peratus penduduk Malaysia tidak masuk dalam buku orang PAS."

"Ini secara tidak langsung memecahbelahkan perpaduan rakyat berbilang kaum di negara ini," katanya.

Rafidah juga berkata generasi muda negara ini harus memberikan perhatian dan mengingati amanah yang dilontarkan oleh Perdana Menteri melalui ucapannya pada perhimpunan Umno itu, dan menjadikannya sebagai panduan dalam membangunkan negara.

"Mesej perdana menteri agar rakyat harus sayang pada bangsa dan negara, jika sentiasa diikuti arahan dan panduan yang diberikan itu, khasnya untuk golongan muda, (diyakini) negara ini akan bangkit menjadi sebuah negara maju," katanya.

Rafidah berkata peluang yang diberikan kepada golongan muda melalui dua Naib Presiden yang diwakili oleh Ketua Pemuda Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan Ketua Puteri Umno Azalina Othman Said sebagai mewakili golongan itu juga harus dijadikan titik tolak kepada usaha yang lebih gigih untuk menjaga warisan yang diperturunkan oleh Dr Mahathir.

-- BERNAMA

SNS HK LAT